

# Tanjung Gemok nadi konservasi penyu negara



Malaysia, sebuah negara tropika yang kaya dengan biodiversiti marin, menjadi antara lokasi penting bagi pendaratan penyu laut. Empat daripada tujuh spesies penyu dunia menjadikan perairan negara ini sebagai habitat dan lokasi bertelur; Penyu Agar, Penyu Lipas, Penyu Belimbing dan Penyu Karah.

Jika Rantau Abang di Terengganu sudah lama dikenali sebagai lokasi ikonik pendaratan penyu, Tanjung Gemok di Port Dickson pula menyimpan rahsia alam yang masih belum diterokai sepenuhnya. Di sinilah, hidupan laut purba ini kembali setiap tahun, dari bulan Mac hingga Oktober, untuk menyambung kitaran hidup yang sudah wujud lebih 100 juta tahun.

Kehadiran penyu di pantai barat Semenanjung Malaysia bukan hanya fenomena alam, tetapi bukti bahawa ekosistem laut dan pantainya masih memiliki daya hidup yang perlu dipertahankan.

Di Tanjung Gemok, proses pendaratan dan penetasan telur penyu berlangsung dalam senyap, namun impaknya cukup besar. Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak 2,600 telur penyu berjaya diselamatkan di sekitar pantai Port Dickson, termasuk di Tanjung Gemok, dengan 2,300 daripadanya berjaya ditetaskan dan dilepaskan semula ke laut.

Sehingga Mei 2025, lapan sarang baharu dikenal pasti di sepanjang pantai dari Lukut hingga ke Tanjung Tuan, memperkukuh lagi kedudukan kawasan itu sebagai salah satu titik penting konservasi penyu di Malaysia.

Penyu bukan sekadar reptilia laut yang unik bentuknya, tetapi juga memainkan peranan penting dalam keseim-



bangkan ekosistem marin. Penyu Agar, sebagai contoh, membantu mengawal pertumbuhan rumpai laut dengan memakannya, lalu membolehkan lebih banyak cahaya matahari menembusi dasar laut untuk merangsang fotosintesis. Hasilnya, oksigen dilepaskan dan karbon dioksida diserap, memberi kesan langsung kepada kesihatan laut dan hidupan marin lain seperti ikan, ketam dan sotong.

## **Kawal populasi obor-obor**

Penyu Belimbing pula membantu mengawal populasi obor-obor, yang jika tidak dikawal, boleh mengganggu rantaian makanan laut. Malah, sarang penyu yang ditinggalkan memberi nutrien kepada tumbuhan pantai, menyumbang kepada kestabilan kawasan pesisir.

▲  
Pensyarah dan Pelajar  
Fakulti  
Ekonomi dan  
Pengurusan  
Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia  
(UKM)  
di pusat  
konservasi,  
Tanjung  
Gemok.

Selain peranannya dalam ekosistem, penyu juga menjadi aset ekonomi melalui sektor pelancongan lestari. Aktiviti seperti pelepasan anak penyu dan lawatan ke pusat konservasi menarik minat pelancong dalam dan luar negara. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor pelancongan menyumbang RM275.8 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2023. Produk pelancongan berasaskan alam, termasuk konservasi penyu, memberi manfaat langsung kepada ekonomi setempat, dari segi penginapan, makanan, sehingga kepada jualan kraftangan.

Pemuliharaan penyu di Port Dickson masih belum digerakkan secara menyeluruh. Walaupun pemantauan sarang dijalankan secara sukarela oleh penduduk dan organisasi tempatan, dan NGO seperti Reef Check Malaysia serta ECOMY

terbabit dalam penyelidikan dan pendidikan komuniti, semua usaha ini masih bergerak secara terpisah. Ketiadaan pelan pengurusan bersepadu yang membabitkan semua pihak berkepentingan secara sistematik menjadikan hal ini satu kelemahan utama dalam agenda pemuliharaan jangka panjang.

Bagi memastikan Tanjung Gemok kekal sebagai tapak penting bagi pendaratan penyu, langkah proaktif perlu segera dilaksanakan. Kerajaan negeri dan Persekutuan disaran untuk mewariskan kawasan ini sebagai Zon Perlindungan Penyu di bawah Akta Perikanan 1985, bagi mengawal sebarang bentuk pembangunan dan pencemaran. Satu pelan pengurusan pantai menyeluruh juga perlu digubal untuk memastikan pembangunan yang berlaku tidak mengorbankan biodiversiti.